



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED SELESAIKAN SEGERA PROJEK PEMULIHAN RUMAH MANGSA LETUPAN GAS, PUCHONG

PUTRAJAYA, 7 Ogos 2025 – Merujuk kepada artikel terbitan Astro Awani bertajuk **“Letupan gas Putra Heights: Penduduk dakwa baik pulih rumah perlahan, tidak berkualiti”** bertarikh 2 Ogos 2025, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ingin menegaskan bahawa dakwaan yang dilaporkan dalam artikel tersebut adalah **tidak tepat dan tidak menggambarkan situasi sebenar di tapak projek**.

Sebagaimana dimaklumkan, insiden kebakaran paip gas yang berlaku pada 1 April 2025, iaitu hari kedua sambutan Aidilfitri telah mengakibatkan kerosakan kepada beberapa buah rumah dan kemudahan awam di Putra Heights. Susulan itu, KPKT melalui SPNB telah melaksanakan inisiatif bagi membaik pulih dan membina semula rumah-rumah yang terjejas.

SPNB telah dilantik sebagai agensi pelaksana utama dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan fizikal projek pemulihan tersebut di tapak.

Sehingga **25 Julai 2025**, sebanyak **17 unit kediaman** telah dikenal pasti untuk pelaksanaan projek ini iaitu melibatkan **11 unit bina baharu dan enam (6) unit baik pulih**. Projek kini telah mencapai **kemajuan fizikal keseluruhan sebanyak 50%**, iaitu **melepasasasaran asal jadual kerja**. Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan semua pihak dalam menjayakan usaha pemulihan ini sebagai sebahagian daripada agenda kebijakan rakyat.

Bagi melaksanakan kerja pembinaan, dua (2) kontraktor telah dilantik iaitu **Suria Prisma Sdn. Bhd. dan RH Mutiara Sdn. Bhd.** Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada **20 Mei 2025**. Kerja pembinaan telah bermula pada **3 Jun 2025** dan dijadualkan **siap dalam tempoh empat bulan, selaras dengan perancangan awal**.

Kerja baik pulih dijangka siap dan diserahkan kepada pemilik rumah menjelang hujung Ogos 2025. Walau bagaimanapun, bagi beberapa unit di mana kos baik pulih melebihi had siling RM150,000, proses penyelarasan tambahan sedang dijalankan untuk mendapatkan **persetujuan pemilik rumah.** SPNB sedang giat berusaha memastikan persetujuan ini diperoleh bagi menjamin kelancaran pelaksanaan.

Sementara itu, **kerja pembinaan baharu dijangka siap** sepenuhnya pada **Oktober 2025**, mengikut jadual yang telah ditetapkan. SPNB kekal telus dan komited dalam memastikan setiap unit disiapkan secara **berkualiti, cekap dan mengikut garis masa yang ditetapkan.** Pelaksanaan ini dilaksanakan secara telus dengan kerjasama erat pelbagai pihak termasuk KPKT, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, pihak kontraktor serta komuniti setempat.

Usaha ini juga merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap kebajikan rakyat yang terkesan akibat bencana dan musibah. KPKT akan terus komited dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

